

OKU bukan halangan ceburi bidang perniagaan

KOSMO 22/2/05 M/S 13

KUALA LUMPUR - Walaupun dilahirkan cacat anggota penglihatan namun ia sama sekali tidak mematahkan semangat dirinya yang tergolong orang kurang upaya (OKU) untuk menceburi bidang perniagaan.

Ini dibuktikan oleh Azmi Kamis, 30, yang merupakan satu-satunya individu mewakili kategori OKU menerima lesen penjaja yang disampaikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique pada Majlis Penyampaian Lesen Penjaja Wilayah Persekutuan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan baru-baru ini.

"Saya bersyukur kerana diberi peluang untuk berniaga dan saya sangat berbangga kerana hanya saya seorang insan istimewa menerima lesen ini berbanding 1,124 penerima lesen lain," katanya ketika ditemui *Kosmo!*, semalam.


Menurutnya, beliau akan menjalankan perniagaan dengan menawarkan perkhidmatan refleksiologi atauurut tapak kaki kerana hanya itu yang mampu dilakukan berdasarkan keadaan fizikalnya.

Azmi memberitahu, penat lelah beliau mengikuti kursus selama tiga tahun di sekolah khas yang terletak di Brickfields itu akhirnya berbaloi setelah memperoleh lesen perniagaan yang sah.

"Sebelum ini saya minat mengurus orang tetapi dengan ilmu dan latihan yang diperoleh, akhirnya timbul pula idea untuk berniaga," jelas beliau.

"Bermodalkan RM3,000, peringkat permulaan ini saya akan memulakan operasi pada pukul 10 pagi hingga 8 malam. Jika ada sambutan mungkin akan disambung sampai pukul 11 malam," katanya.

Beliau turut menyarankan kepada golongan OKU supaya sentiasa mencari alternatif pekerjaan melalui perniagaan.



ZULHASNAN menyampaikan lesen penjaja kepada Azmi Kamis di Kuala Lumpur baru-baru ini.